



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 9/( 25 )**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: secretary@ljt.org.my  
laman web: www.ljt.org.my

9 Ogos 2018

## Semua Juruukur Tanah Berdaftar

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

---

### SURAT PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2018

---

#### PEMBERIAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH YANG MELIBATKAN KEMATIAN JURUUKUR TANAH BERDAFTAR (JTB) SERTA WARIS-WARIS TERDEKAT JTB

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) dalam Mesyuaratnya ke 484 pada 25 Julai 2018 telah meluluskan pemberian saguhati sebanyak RM3,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Sahaja) sebagai Bantuan Mengurus Jenazah yang melibatkan kematian Juruukur Tanah Berdaftar serta waris-waris terdekat JTB.
  
3. Sehubungan dengan itu, bersama ini disertakan syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan yang membolehkan tuntutan Bantuan Mengurus Jenazah dibuat oleh pihak yang terlibat seperti mana di **Lampiran A**.

4. Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Dengan Arahan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia



(Sr ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

**Salinan Kepada :**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Semua Pengarah Ukur Negeri

Presiden  
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia  
(PEJUTA)

**SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN-KELAYAKAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH BAGI JURUUKUR TANAH BERDAFTAR (JTB) SERTA WARIS-WARIS TERDEKAT JTB**

**1. Kelayakan**

Bantuan Mengurus Jenazah ini adalah layak diberikan di atas kematian yang melibatkan individu seperti berikut :

- i. Juruukur Tanah Berdaftar (JTB)
- ii. Isteri JTB (tertakluk kepada seorang sahaja)
- iii. Suami JTB
- iv. Anak-anak JTB (umur 18 tahun ke bawah dan belum berkahwin)
- v. Ibu atau bapa JTB
- vi. Ibu atau bapa mertua JTB

**2. Kadar Bantuan**

Kadar bantuan kepada waris bagi pengurusan jenazah adalah sebanyak RM 3,000.00 bagi setiap kematian.

**3. Peraturan Pembayaran**

3.1 Bantuan Mengurus Jenazah akan dibayar secara cek atau bayaran pindahan secara elektronik (EFT) kepada pihak yang berkenaan mengikut keadaan-keadaan berikut:

3.1.1 Sekiranya melibatkan kematian waris-waris JTB, bayaran akan diberikan kepada JTB terlibat; dan

3.1.2 Sekiranya melibatkan kematian JTB, bayaran akan dibuat mengikut keutamaan berikut:

3.1.2.1 isteri atau suami JTB (sekiranya JTB mempunyai lebih daripada seorang isteri, bayaran akan diberikan kepada

isteri yang menanggung perbelanjaan menguruskan jenazah);

3.1.2.2 bagi JTB yang duda/janda bayaran akan dibuat kepada anak yang berumur 18 tahun ke atas; atau

3.1.2.3 bagi JTB yang bujang bayaran akan dibuat kepada ibu atau bapa JTB.

3.2 Bayaran hanya akan dibuat setelah Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) menerima maklumat-maklumat berikut:

3.2.1 salinan Sijil Kematian yang sah; dan

3.2.2 Borang Tuntutan daripada waris seperti di **Lampiran A1**

**LAMPIRAN A1**

**BORANG TUNTUTAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH**

Nama \*Waris/JTB :  
Hubungan dengan Simati :  
No. Akaun :  
Nama Bank :  
Alamat surat menyurat :  
  
No. Tel (h/p) :

*\*sila potong yang tidak berkenaan*